

Transformasi Kokurikulum UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 21 Ogos 2011 14:36

Kepada: UUM All Students; UUM - All Staff
21OGOS 2011/21 RAMADAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli
Gambar oleh: Mohd Shamsul Shafie

TRANSFORMASI KOKURIKULUM UUM

UUM ONLINE: Seiring dengan pembangunan modal insan dan kemahiran yang rancak diusahakan oleh kerajaan untuk rakyat, Pusat Kokurikulum, Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil pendekatan melakukan transformasi ke atas program kokurikulum untuk memastikan kebolehfungsian graduan universiti ini untuk negara.

Menurut Pengarah Kokurikulum, Syamsul Anuar Che Mey, transformasi ini bertujuan menghasilkan siswazah berkebolehfungsian yang memenuhi kehendak pasaran dan memiliki daya saing yang tinggi.

"Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengarahkan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melaksanakan kursus kokurikulum bercredit untuk melahirkan siswazah sebegini, dan UUM merupakan universiti pertama yang melaksanakan kursus bercredit ini sejak dari awal penubuhannya di Bandar Darulaman.

"Ini menunjukkan UUM kita telahpun berada di landasan yang betul dan terkehadapan berbanding universiti yang lain. Justeru seiring dengan perancangan strategik universiti, Pusat Kokurikulum akan mentransformasikan kursus-kursus kokurikulum di bawahnya bagi mendapat pengiktirafan luar seperti daripada badan profesional dan institusi yang berkaitan.

"Sehingga kini 18 kursus kokurikulum telahpun mendapat pengiktirafan dari institusi luar, yang terdekat ialah kursus landskap yang akan mendapat pengiktirafan daripada Akademi Binaan Malaysia (ABM).